

Satu lagi tanah mendap di Jalan Masjid India

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Indah Water Konsortium (IWK) telah diminta untuk memeriksa paip kumbahan di lokasi insiden tanah mendap yang berlaku berdekatan Pondok Polis di Jalan Masjid India di sini, semalam.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd

Sharif berkata, sebagai langkah keselamatan, kawasan kejadian yang berlaku sekitar 2.30 pagi semalam itu telah ditutup menggunakan tali keselamatan dan penghadang air.

"Kami akan terus bekerjasama erat dengan IWK serta agensi lain bagi memastikan tindakan susulan yang berterusan dan

menyeluruh dilaksanakan untuk mencegah kejadian serupa daripada berlaku pada masa hadapan.

"Keselamatan dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur ialah keutamaan kami. DBKL akan terus memantau keadaan ini dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan

keselamatan awam," katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Bernama melaporkan kejadian tanah mendap itu dilihat berlaku sekitar 50 meter dari lokasi insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India

Ketua Polis Daerah Dang Wangi ACP Suliezmy Affendy Sulaiman berkata perbincangan sedang dilakukan untuk memperluas penutupan jalan dan perkembangan lanjut akan dimaklumkan kemudian.

Kejadian tanah mendap itu dipercayai berlaku awal pagi selepas hujan lebat dan ribut pada malam kelmarin.

Kejadian tanah jerlus pada Jumaat lepas menyebabkan seorang wanita dikenali sebagai Vijayaletchumy, 48, dari Kuppam, Andhra Pradesh, India hilang selepas terjatuh ke lubang sedalam lapan meter di situ dengan operasi mencari dan menyelamatkan memasuki hari keenam semalam.

— Bernama



WASPADA...

Kakitangan DBKL giat melakukan penutupan jalan berikutan terdapat satu lagi kejadian tanah mendap berlaku sekitar 50 meter daripada lokasi tanah jerlus yang melibatkan warganegara India di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur semalam.

• Foto BERNAMA